SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2022 Sejarah Semester 1 Terengganu

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

STPM 2022

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SEMESTER 1

SEJARAH

Nama :.....

Kelas :.....

DIBIAYAI OLEH KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

940/1 STPM 2022

SEJARAH
SEJARAH DUNIA (1500 – 1955)
KERTAS 1
(Dua jam)

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

(TERENGGANU EDUCATION DEPARTMENT)

MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN (MPP) STPM

SEMESTER 1
2022

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab **empat** soalan sahaja.

Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [ ]

Kertas soalan ini terdiri daripada 2 halaman bercetak.

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

Disediakan oleh Guru AKRAM Terengganu

Dibiayai oleh Kerajaan Terengganu

Jawab empat soalan sahaja.

1. Jelaskan pengertian masyarakat industri dan faktor perkembangan Revolusi Perindustrian di Jerman pada abad ke-18 hingga ke-19 Masihi. [20]

2. Bincangkan tindakan Otto von Bismarck untuk mengukuhkan Jerman selepas tahun 1871. [20]

3. Bincangkan faktor perkembangan aktiviti perdagangan di Portugal pada abad ke-16 Masihi. [20]

4. Sejauh manakah pengaruh Renaisans mendorong kepada kemunculan Zaman Pencerahan di Eropah pada abad ke-18 Masihi. [20]

5. Gerakan 4 Mei 1919 adalah manifestasi kebangkitan nasionalisme rakyat di China. Huraikan kesan gerakan tersebut. [20]

6. Perang Dingin telah menyebabkan berlakunya peningkatan kerjasama ketenteraan dalam kalangan negara di dunia. Bincangkan. [20]

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

STPM 2022

PERATURAN PEMARKAHAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SEMESTER 1

SEJARAH

SKEMA JAWAPAN – SEJARAH 940/1 2022

1. Jelaskan pengertian masyarakat industri dan faktor perkembangan Revolusi Perindustrian di Jerman pada abad ke-18 hingga ke-19 Masihi.

Pendahuluan

- Menjelang abad ke-18 hingga abad ke-19 Masihi tercetusnya revolusi yang dikenali sebagai Revolusi Perindustrian di Jerman.
- Revolusi Perindustrian menyebabkan Jerman mengalami perubahan daripada negara pertanian kepada negara berasaskan perindustrian.
- Perkembangan ini menyebabkan berlakunya peningkatan dalam pengeluaran dan pertumbuhan ekonomi yang pesat di Jerman.
- Revolusi Perindustrian di Jerman berlaku pada tahap kedua.

Isi-isi penting:

Pengertian masyarakat industri di Jerman

- Masyarakat industri merujuk kepada **masyarakat yang terlibat dalam bidang perindustrian.**
- Masyarakat industri mempunyai **pengkhususan kerja** dan bergantung kepada pengeluaran secara besar-besaran
- Kegiatan masyarakat ini berkaitan dengan aktiviti **pengeluaran dan perkhidmatan menggunakan mesin**
- Secara umumnya masyarakat ini terdiri daripada **dua golongan** iaitu pengusaha industri dan pekerja industri
- Revolusi Perindustrian di Jerman berlaku pada **tahap kedua di Eropah** bermula pada tahun 1860 hingga 1914.
- Ciri utama Revoulusi Perindustrian ialah **kapital kewangan** mengatasi kapital industri. Teknologi yang digunakan terdiri daripada pelbagai bahan, sumber dan bentuk.
- Muncul **industri-industri baharu** seperti elektrik, kimia, petroleum dan logam ringan.

Faktor Perkembangan Revolusi Perindustrian di Jerman

1. Penyatuan Jerman

- Penyatuan Jerman pada tahun 1871 oleh **Otto von Bismarck** telah meletakkan asas yang kukuh bagi pertumbuhan sektor perindustrian di Jerman.
- Selepas penyatuan, Jerman muncul sebagai sebuah negara perindustrian yang **unggul** di Eropah.
- Penyatuan Jerman ini telah menyebabkan wujud **keseragaman** dalam mata wang, sistem percukaian, sistem timbangan dan perundangan.
- Penyatuan telah membawa kepada kemajuan **sistem pengangkutan dan perhubungan** seperti jaringan kereta api, jalan raya, telegraf dan pos dapat dimajukan.
- Kemajuan dalam ekonomi dan politik turut merangsang pertumbuhan sektor perindustrian.

- Selepas tahun 1878, kerajaan mengamalkan dasar memberi perlindungan kepada sektor perindustrian.
- Kerajaan pusat menjalankan **dasar kebangsaan yang komprehensif** bagi membangunkan sektor perindustrian.

2. Kemajuan bidang pertanian

- Kemajuan dalam **bidang pertanian meletakkan asas** bagi pertumbuhan sektor perindustrian di Jerman.
- Selepas penyatuan Jerman sektor pertanian mengalami kemajuan dan berkembang pesat melalui **penerbitan karya teknologi pertanian** seperti *Introduction to the Knowledge of English Agriculture-Principles ofRational Agriculture* pada tahun 1789 oleh Albrecht Thaer.
- Justus von Liebig menjalankan kajian tentang **penggunaan kimia** bagi meningkatkan hasil pengeluaran .
- Penggunaan **teknologi moden dan kaedah saintifik** telah menyebabkan berlaku peningkatan dalam pengeluaran hasil pertanian.
- Kerajaan turut memberi sumbangan dalam memajukan bidang pertanian melalui penubuhan **sekolah pertanian dan universiti**.
- Institusi ini telah menjalankan kajian dalam bidang pertanian dan menawarkan mata pelajaran yang berkaitan dengan bidang pertanian.
- Sebelum Perang Dunia Pertama, terdapat lebih kurang 2000 buah sekolah pertanian di seluruh Jerman.
- Antara tahun 1905-1912 Jerman mendahului negara-negara lain dalam pengeluaran hasil pertanian.

3. Kemajuan dalam penyelidikan

- Kemajuan dalam penyelidikan **merangsang pertumbuhan** sektor perindustrian di Jerman.
- Banyak makmal penyelidikan telah dibina oleh **syarikat kimia dan elektrik** di Jerman bagi membolehkan ahli-ahli kimia dan fizik menjalankan kajian dan penyelidikan.
- Penyelidikan ini telah menyebabkan Jerman berjaya **mencipta pelbagai peralatan dan inovasi baharu.**
- Perkembangan ini telah menyebabkan Jerman muncul sebagai pemimpin dunia dalam industri kimia dan elektrik pada akhir abad ke-19.

4. Penubuhan koperasi

- **Koperasi** memainkan peranan dalam perkembangan sektor perindustrian di Jerman dengan memberikan **bantuan kewangan** kepada penduduk untuk melibatkan diri dalam perindustrian.
- **Kesatuan kredit** juga ditubuhkan di seluruh Jerman bagi merangsang pertumbuhan sektor perindustrian dan memberi bantuan kewangan kepada penduduk bandar seperti Kesatuan Kredit Schulze Delitzsch.

- Menjelang tahun 1911 terdapat lebih kurang 25000 buah kesatuan kredit di seluruh Jerman.
- Institusi koperasi dan kesatuan kredit memainkan dalam pertumbuhan sektor perindustrian di Jerman.

5. Penghapusan Sistem Guild

- **Penghapusan sistem guild** juga menjadi salah satu faktor yang mendorong perkembangan industri di Jerman.
- Sebelum penyatuan Jerman, seseorang yang ingin terlibat dalam perindustrian perlu mempunyai **pengalaman dalam guild selama beberapa tahun**.Ia merupakan syarat wajib.
- Sistem ini menjadi **penghalang** kepada perkembangan sektor perindustrian di Jerman.
- Pada tahun 1811, kerajaan bertindak menghapuskan monopoli dan keistimewaan guild melalui **Peraturan 1811.**
- Penghapusan ini telah meletakkan asas bagi pertumbuhan sektor perindustrian di Jerman.

6. Penghijrahan penduduk ke bandar

- Penghijrahan penduduk dari kawasan **luar bandar ke bandar** membantu perkembangan sektor perindustrian di Jerman.
- Sebelum penyatuan Jerman, tiga perempat penduduk Jerman tinggal menetap di luar bandar.
- Pada tahun 1871, terdapat lapan buah bandar di Jerman dengan jumlah penduduk seramai 100 ribu orang.
- Selepas penyatuan Jerman, proses pembandaran berkembang pesat dan muncul bandar baharu di seluruh negara seperti **Ruhr, Saxony,Silesia,dan Berlin**.
- Pada tahun 1910 terdapat 48 buah bandar baharu di seluruh Jerman.
- Pertumbuhan bandar baharu dan peningkatan penduduk menyebabkan industri berkembang pesat di Jerman.

7. Kekayaan bahan mentah

- Perkembangan sektor perindustrian di Jerman juga disebabkan oleh kekayaan sumber **bahan mentah seperti arang batu,bijih besi dan bijih timah**. Kawasan perlombongan arang batu dan bijih besi yang terkenal di Lembah Ruhr,Lorainne dan Silesia. Sumber galian ini merupakan sumber utama dalam menggerakkan sektor perindustrian di Jerman.
- Pada tahun 1875, Jerman mengeluarkan 25 juta tan **arang batu** dan telah meningkat kepada 287 juta tan pada tahun 1913. Pada tahun 1872 Jerman telah mengeksport bekalan **bijih besi** bernilai 1.92 juta tan ke negara Eropah. Menjelang tahun 1910 berlaku peningkatan dalam pengeluaran bijih besi sehingga mencecah 14.7 juta tan.
- Di samping itu, **bahan kimia seperti garam kalium** ditemui dalam kuantiti yang besar di Jerman. Menjelang tahun 1871, Jerman menghasilkan 375000 tan garam kalium dan meningkat kepada 3.5 juta tan pada tahun 1901.
- Antara tahun 1863 hingga 1865, seramai 120 000 orang bekerja dalam industri perlombongan di Jerman dan terus meningkat kepada 570 000 orang pada tahun 1906.

8. Kemajuan industri perkapalan

- Perkembangan pesat sektor perindustrian disebabkan oleh kemajuan dalam **industri perkapalan.**
- Industri perkapalan Jerman terletak di **Breman, Hamburg, Stettin, Danzig dan Elby**.
- Selepas tahun 1880, berlaku peningkatan yang amat ketara dalam pembinaan **kapal wap** di Jerman dan ini membolehkan jumlah muatan barangan yang diangkut turut meningkat.

9. Kemajuan sistem pengangkutan

- Perkembangan Revolusi Perindustrian disebabkan oleh kemajuan dalam bidang **pengangkutan dan komunikasi**. Kerajaan membangunkan perkhidmatan **kereta api** untuk menggalakkan pertumbuhan industri.
- Kerajaan mengambil langkah dengan **mengurangkan kadar bayaran dan tarif** perkhidmatan kereta api. Landasan kereta api dibangunkan bagi memudahkan pergerakan tentera dalam mengawal keamanan negara.
- Kerajaan membeli landasan kereta api yang dimiliki oleh pihak swasta selepas tahun 1879.
- Kerajaan juga menyediakan perkhidmatan kereta api yang murah bagi merangsang pertumbuhan industri.
- Sistem pengangkutan yang **efisien** menyebabkan hasil pengeluaran industri dapat dieksport ke negara-negara lain di Eropah.

10. Galakan kerajaan

- Pertumbuhan pesat dalam sektor perindustrian juga disebabkan adanya **galakan yang diberikan oleh kerajaan.**
- Kerajaan Jerman mengamalkan dasar memberi **perlindungan** kepada sektor perindustrian mulai tahun 1879.
- Dasar ini menyebabkan ini menyebabkan berlaku pertumbuhan pesat industri antara tahun 1872 hingga 1910 dan hasil pengeluaran sektor perindustrian di Jerman meningkat.

11. Penubuhan Kartel

- Kartel adalah sebuah **persatuan** yang berperanan untuk menyelaraskan pengurusan industri di Jerman seperti mengawal bekalan dan harga barangan bagi menjamin keuntungan.
- Anggota kartel akan mengadakan **perjanjian** bagi menentukan barangan yang dipasarkan.
- Pertubuhan ini memainkan peranan penting dalam **mengawal pasaran dan kewangan** industri di Jerman.

12. Kemunculan Bank

- Kemunculan institusi perbankan memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan sektor perindustrian di Jerman. Kerajaan menubuhkan bank dengan menyediakan **pinjaman** jangka panjang bagi merangsang pertumbuhan sektor perindustrian di Jerman.
- Menjelang pertengahan abad ke-19, **Joint Stock Bank** ditubuhkan di Jerman dengan memberikan **bantuan modal** kepada pengusaha-pengusaha industri.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar